

Kerajaan tidak campur tangan pelaksanaan sistem mentor

BH 14/7/03

IPOH: Kerajaan tidak akan campur tangan dalam pelaksanaan sistem mentor Bank Simpanan Nasional (BSN) bagi Skim Kredit Mikro kerana mekanisme itu membantu bank memproses permohonan pinjaman.

Timbalan Menteri Kewangan II, Datuk Dr Ng Yen Yen, berkata sistem mentor perlu sebagai garis panduan peminjam daripada segi perancangan kewangan perniagaan serta aliran kewangan perniagaan.

"Peniaga kecil ini memerlukan bimbingan kerana kebanyakan mereka langsung tidak tahu prinsip perakaunan serta aliran tunai kewangan perniagaan masing-masing," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Mesyuarat Agung Perwakilan Bahagian Wanita MCA Perak, di Hotel Exelcior di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas pandangan beberapa pihak termasuk persatuan peniaga dan penjaja beberapa negeri sebelum ini meminta sistem mentor dihentikan.

Melalui Pakej Strategi Baru yang diumumkan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kerajaan memperuntukkan RM1 bilion bagi Skim Kredit Mikro.

BSN dan Bank Pertanian Malaysia Berhad (BPMB) dipertanggungjawabkan melaksanakan skim berkenaan bagi memberi pinjaman mudah kepada peniaga kecil.

Daripada jumlah itu, RM500 juta disalurkan kepada BPMB bagi pinjaman peniaga yang terbabit dalam perniagaan berkaitan pertanian, manakala RM300 juta kepada BSN bagi perniagaan bukan pertanian. Baki pinjaman disalurkan kepada Amanah Ikhtiar Malaysia menerusi BPMB.

Mentor berfungsi sebagai orang tengah antara BSN dan peminjam, selain membantu peminjam mengisi borang permohonan, sebagai penasihat perniagaan pengurusan aliran tunai kewangan, perancangan kewangan, strategi pemasaran produk, selain penasihat kepada bank meluluskan pinjaman.

Mengulas lanjut perkara itu, Ng berkata, sistem mentor Skim Kredit Mikro BSN itu juga berfungsi mempercepatkan proses permohonan pinjaman.

Katanya, sistem itu bukan saja berfungsi sebagai penjamin bagi pihak pemohon, malah berupaya menyaring sama ada permohonan tulen atau sebaliknya.

Ng yang juga Ketua Wanita MCA berkata, peniaga kecil yang membuat pinjaman Skim Kredit Mikro berpeluang mempertingkatkan tahap kecekapan pengurusan kewangan melalui sistem mentor.

Beliau turut meminta peniaga kecil wanita mengambil peluang memajukan perniagaan dengan membuat pinjaman skim kredit itu.